

(ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

100446947

(ABD. RAHIM BIN ISMAIL

Sm. P.I.

(JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

O

L

E

H

ABD. RAHIM BIN ISMAIL

M.7175

Penyelia:

USTAZ ABD. MONIR YAACOB

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi syarat bagi
mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam
dengan Kepujian (Sm. P.I. Hons).

JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
1982/83.

0.1. PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل فلولا نفر من كل فرقة منهم
طائفة ليتقوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا
اليهم لعلهم يحذرون ، والصلاة والسلام على
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين .

Dengan penuh kesyukuran terhadap keizinan Allah yang telah memberikan kelapangan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya petunjuk dan kelapangan merupakan pemberian dan kurniaan Allah dengan sebesar-besar nikmat kepada golongan yang mensyukurinya. Di samping itu juga saya bersyukur kepada Allah yang membuka pintu hati berbagai pihak untuk membantu saya dalam kerja-kerja untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga dengan kajian ini dapat memberikan faedah kepada generasi kini dan terkemudian.

Di sini terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Ustaz Abd. Monir Yaacob kerana pandangan dan bimbingan yang telah beliau berikan sepanjang penulisan latihan

ilmiah ini. Saya tidak akan melupakan jasa-jasa baik beliau itu dan saya doakan semoga Allah memberikan rahmat dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Demikian juga dipersembahkan terima kasih yang tidak ternilai kepada emak dan ayah yang dikasihi atas dorongan dan pengurbanan yang berpanjangan sehingga kejayaan ini, kepada adik-adik yang disayangi Halimah, Yusri dan Zalie tidak dilupakan juga terima kasih diucapkan atas bantuan segala-galanya, abang doakan semoga anda semua berjaya menghadapi cabaran hidup setiap masa. Terima kasih juga diucapkan kepada kawan-kawan yang telah memberikan bantuan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini dan seterusnya kepada Cik Noraida yang telah menyelenggarakan urusan menaip latihan ilmiah ini.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama samada secara langsung dan tidak langsung iaitu kepada kakitangan pejabat DYMM Sultan Kedah amnya, kepada Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh, Dato' Haji Shuib bin Osman dan YTM Tunku Dato' Fariduddin bin Tunku Mansur khasnya.

Hanya Allah sahajalah yang dapat membalas kelapangan dada mereka yang membantu saya. Doa saya semoga Allah mengampun kesalahan saya, kedua ibu bapa dan seluruh kaum Muslimin dan Muslimat. Seterusnya saya memohon kemaafan dan keampunan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan Fakulti Pengajian Islam amnya dan Jabatan Syariah khususnya jika terdapat kesalahan-kesalahan saya di sepanjang pengajian di Universiti ini yang rasa agak terkilan di hati.

Sekian, Wabillāh al-taufīk wa al-hidāyah wa as-salām.

Abd. Rahim Ismail,
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian
Islam, UKM, Bangi.

15hb. March, 1983.

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>		<u>HALAMAN</u>
0.1.	PRAKATA	1
0.2.	SINOPSIS.....	vii
0.3.	PENDAHULUAN.....	ix
0.4.	GLOSSARI.....	xv
0.5.	TRANSLITERASI.....	xx

BAB PERTAMA

1.1.	Latarbelakang Adat Istiadat.....	1
1.2.	Definasi Adat Istiadat.....	2
1.3.	Nilai Adat Istiadat.....	14
1.4.	Jenis-Jenis Adat Istiadat Di Semenanjung.....	21
1.5.	Adat Temenggung.....	22

BAB KEDUA

2.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum....	32
2.2.	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya.....	34
2.3.	Pengasas Adat Istiadat.....	36
2.4.	Konsep Raja.....	37
2.5.	Bidangkuasa Raja-Raja Melayu.....	40
2.6.	Pembahagian Adat Istiadat.....	46
2.6.1.	Adat Istiadat Larangan.....	48

a.	Kain Kuning.....	48
b.	Kain Nipis.....	50
c.	Keris Berhulu Emas.....	50
d.	Membuat Rumah dan Perahu.....	51
e.	Tilam Pandak Empat Persegi.....	52
f.	Tombak Bercabang Tiga.....	52
g.	Adat Memakai Payung.....	53
2.6.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	54
a.	Adat Bahasa Raja=Raja.....	54
b.	Adat Utusan Datang dan Pergi.....	56
c.	Adat Istiadat Raja Berjalan.....	57
d.	Adat Istiadat Raja Bersemayam dan Menjunjung Duli.....	58
e.	Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya.....	59
f.	Adat Istiadat Perkahwinan.....	59
g.	Adat Istiadat Pertabalan.....	64
h.	Adat Istiadat Kemangkatan.....	66
2.7.	Unsur-Unsur Asing Dalam Adat Istiadat Raja= Raja Melayu.....	70

BAB KETIGA

3.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Yang Terpakai..	78
3.1.1.	Adat Istiadat Larangan.....	78
3.1.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	82
3.2.	Penelitian dan Penganalisaan.....	104
	Kesimpulan dan Penutup.....	112
	BIBLIOGRAFI.....	115
	LAMPIRAN 1: HUKUM KANUN MELAKA.....	124
	LAMPIRAN 2: PERATURAN ADAT ISTIADAT PERTABALAN SULTAN NEGERI KEDAH DARULAMAN.....	172
	LAMPIRAN 3: GAMBAR PERALATAN ADAT ISTIADAT.....	211

0.2. SINOPSIS

Dalam Latihan Ilmiah ini pengkaji telah berminat untuk membuat tinjauan mengenai keluarga Diraja khususnya mengenai adat istiadat yang mempunyai hubungan dengan Raja-Raja Melayu. Oleh itu tinjauan akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Melayu yang terdapat di dalam teks Undang-Undang Adat Temenggung sebagai suatu perbandingan dengan adat istiadat yang masih terpakai di hari ini. Pengkajian khusus akan ditumpukan di negeri Kedah. Untuk perbandingan mengenai tajuk ini secara keseluruhannya, pengkaji telah merangka dan membahagikannya kepada tiga bab.

Bab pertama akan ditumpukan kajian kepada teks-teks yang menyentuh tentang latarbelakang adat istiadat diikuti dengan definisi adat istiadat, nilai adat istiadat, jenis-jenisnya yang terdapat di Semenanjung Malaysia kemudian akan diuraikan secara ringkas mengenai Adat Temenggung kerana ia mempunyai hubungan dengan tajuk ini.

Bab kedua pula merangkumi Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum, Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya, Pengasas Adat Istiadat, Konsep Raja dan Bidangkuasa Raja-Raja Melayu. Kemudian dalam bab ini juga satu tinjauan secara khusus akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Dahulu yang terdapat dalam

Teks Undang-Undang Adat Temenggung dan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu bahagian Adat Istiadat Larangan dan bahagian Upacara dan Peraturan Adat Istana, kemudian disentuh sedikit mengenai Pengaruh atau Unsur Asing yang terdapat dalam Adat Istiadat Raja-Raja Melayu.

Bab ketiga kajian ditumpukan mengenai Adat Istiadat yang masih terpakai dewasa ini, kemudian Penelitian dan Penganalisaan dibuat untuk memperbandingkan antara adat istiadat lama dan baru untuk melihat dari segi persamaan dan perbezaan antara keduanya. Seterusnya diikuti dengan Kesimpulan dan Penutup Latihan Ilmiah ini.

0.3. PENDAHULUAN

A. BIDANG KAJIAN

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan sebagai satu bidang kajian untuk memperlengkapkan unit dan juga bagi menyempurnakan syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam dengan kepujian. Ia juga merupakan sebagai satu bidang kajian yang umumnya adalah bertujuan untuk memperlihatkan tentang adat istiadat raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun bidang kajian mengenai tajuk ini adalah amat luas, pengkaji telah cuba menganalisa tentang adat istiadat yang agak penting dan diperturunkan dalam latihan ilmiah ini.

Jelasnya mengenai adat istiadat ini masih dikekalkan hingga sekarang ini hanya dengan sedikit pindaan di sana sini dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan masa, tetapi adalah bertepatan jika dikatakan bahawa terdapat sebilangan besar masyarakat di Kedah khususnya dan di Malaysia umumnya yang tidak benar-benar mengetahui dengan secara mendalam tentang adat istiadat tersebut, kecuali mereka yang terlibat dan orang yang tinggal di istana sahaja. Walaupun adat istiadat yang dibincangkan dalam latihan ilmiah ini dikhususkan kajiannya kepada adat istiadat negeri Kedah tetapi pada dasarnya mempunyai persamaan juga dengan negeri-negeri lain yang mengamalkan sistem adat Temenggung.

B. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengkaji tentang peraturan-peraturan adat istiadat istana yang masih dipraktikkan di kalangan keluarga diraja di samping menilai upacara-upacara yang dilakukan. Selain daripada itu pengkaji juga ingin meninjau sejauhmana adat istiadat lama masih memainkan peranan dan sejauhmana perubahan-perubahan berlaku dari masa kesemasa berhubung dengan adat istiadat tersebut serta pengaruh asing yang terdapat didalamnya.

Oleh itu pengkaji yakin dan berharap dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu tentang sejauhmana kepentingan adat istiadat ini dan semoga dapat memberi pengetahuan kepada umum walaupun ianya tergolong dalam istiadat lama.

C. METODE KAJIAN

Dalam mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan latihan ilmiah ini beberapa metode telah digunakan dan akan digunakan semasa membuat kajian seterusnya bagi melicinkan bidang kajian mengenai tajuk ini. Dengan ini kelemahan satu metode akan dapat diatasi dengan metode yang lain. Metode yang digunakan seperti berikut:

c. Pita rakaman

Dalam membuat kajian ini salahsatu metode yang digunakan ialah pita rakaman suara iaitu semasa bertemuramah dengan orang-orang tertentu dengan tujuan untuk memudahkan pengkaji mengikuti temuramah dengan lebih tepat dan jelas di samping catitan-catitan dibuat.

D. MASALAH SEMASA MEMBUAT KAJIAN

Walaupun beberapa metode kajian digunakan, namun demikian terdapat juga kelemahan-kelemahan semasa kajian itu dilakukan. Ini disebabkan satu golongan masyarakat yang mempunyai status yang tinggi dan berlainan dari masyarakat biasa, maka terdapat beberapa peraturan-peraturan yang mesti dituruti. Di antara masalah-masalah yang terpaksa pengkaji hadapi semasa membuat kajian ialah:

a. Pengkaji agak sukar menemui mereka yang berpengaruh dan juga mereka yang mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat tersebut, walaupun masa dan hari telah ditetapkan tetapi kadangkala perjanjian itu terpaksa dibatalkan kerana mereka mempunyai urusan lain yang mungkin lebih penting seperti terpaksa menghadiri mesyuarat atau lain-lain hal.

b. Selain daripada itu, pengkaji juga agak sukar untuk menemui atau mendapat kerjasama dari pihak tertentu untuk meminjam buku-buku, mendapat kebenaran untuk mengkaji berhubung dengan tajuk di atas dan sebagainya. Pengkaji terlebih dahulu dikehendaki menyelesaikan urusan surat menyurat bagi mendapat kebenaran resmi dari pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang terletak di Wisma Negeri, Alor Star, Kedah.

c. Masalah juga timbul dari segi jarak jauh di antara tempat tinggal pengkaji untuk menemui mereka yang terlibat di mana, ini merupakan satu kesukaran walaupun pengkaji berasal dari negeri Kedah tetapi disebabkan pengkaji menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia, jadi jarak perjalanan antara Selangor dan Kedah adalah merumitkan di mana memerlukan masa yang sesuai untuk pulang, pelajaran tergendala dan sedikit sebanyak melibatkan kedudukan kewangan.

d. Mengenai bahan-bahan bacaan pula pengkaji tidak dapat mengumpulkan dengan selengkapnya di perpustakaan UKM, jadi pengkaji terpaksa berulang-alik dari tempat-tempat lain seperti perpustakaan-perpustakaan awam, Dewan Bahasa, Arkib Negara, Musium dan lain-lain tempat yang dapat memberi bantuan kepada pengkaji dalam hal ini.

Seperkara lagi berhubung dengan bahan bacaan ini, di mana tajuk kajian di atas adalah merupakan satu tajuk yang mempunyai hubungan dengan Undang-Undang Melayu Lama seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Melaka, Undang-Undang 99 dan Undang-Undang Pahang di mana teks-teks asalnya adalah bertulisan jawi dan menggunakan bahasa lama yang ejaannya berlainan dengan apa yang didapati sekarang ini, kadang-kadang tidak didapati perenggan-perenggan dan susunan ayatnya juga tidak begitu teratur, sukar untuk difahami dan terpaksa menggunakan masa yang agak panjang untuk meneliti isi kandungannya.

0.4. GLOSSARI

Anugerah	- kurnia
Astaka	- Balai dalam istana.
Baginda	- Yang berbahagia (gelaran bagi sultan).
Bangsi	- Serunai.
Benian	- Peti.
Bentara	- Pesuruh raja (yang menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan).
Beradu	- Tidur, berehat.
Berandam	- Memepat rambut di atas dahi, memepat janggut.
Berangkat	- Bertolak.
Bercemar	- Bercampur dengan orang yang lebih hina, mengotorkan.
Berlangir	- Membersihkan rambut dengan bermacam wangi-wangian.
Beta	- Saya (digunakan oleh raja-raja atau orang-orang yang berpangkat).
Biti-Biti	- Hamba perempuan di istana.
Celempung	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang memakai dawai seperti kecapi, sejenis alat-alat bunyi-bunyian seperti gong kecil.
Ceper	- Dulang, piring.
Ceracap	- Alat bunyi-bunyian seperti canang kecil atau buluh yang dihantuk-hantukkan.

Cokmar	- Sejenis pemukul dari logam yang dibawa dalam upacara-upacara tertentu.
Daulat	- Bahagia, kuasa (pada raja-raja yang memerintah).
Dian	- Lilin, pelita.
Gendir	- alat bunyi-bunyian gamelan.
Gering	- Sakit (untuk raja-raja).
Giring	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Gocoh	- Tumbuk, tinju.
Kain Cempa	- iaitu kain yang berasal dari Cempa, Indocina yang ditenun dengan halus dan indah.
Kain dukung	- kain pengendong atau pengambin (anak)
Kajangi	- anyam.
Kelekan	- Serambi.
Kendi	- Sejenis bekas air yang bermuncung (bercerat) dan bertangkai (dibuat daripada tembikar atau tin).
Kerikal	- Pinggan besar atau talam yang berkaki (dibuat daripada logam dan lain-lain).
Ketor	- Tempat Ludah.
Khasa(h)	- Kain yang halus nipis dan jarang-jarang tenun-annya.
Kopak	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Kurnia	- Anugerah, pemberian.
Kweng	- Ketua kampung.

- Makam - Kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti keluarga diraja, pahlawan dan lain-lain).
- Mamak - Sebutan oleh raja kepada pembesar-pembesar negeri (menteri dan lain-lain), bapa saudara.
- Manakan - bapa kepada kemanakan.
- Mangkat - Baginda meninggal (digunakan untuk raja), mati.
- Murka - Marah, meradang.
- Nafiri - Sejenis serunai (trompet) panjang.
- Nagara - Sejenis gendang besar - nakara.
- Nasi adap-adapan - Nasi bercampur pulut dan sebagainya dihidangkan untuk pengantin baru.
- Nobat - ialah salah satu dari alat bunyi-bunyian Parsi termasuk juga didalamnya muri, dandi, serunai, kecapi, rebana dan lain-lain.
- Pacal - Hamba kepada raja.
- Pakan - Benang tenunan yang melintang.
- Panca - Logam campuran lima jenis.
- Panca persada - Tempat tinggi yang bertingkat-tingkat, tempat bersemayam raja waktu pertabalan (tempat orang besar-besar dan lain-lain).
- Pandak - Pendek.
- Patik - Hamba, saya (sewaktu bercakap dengan raja).
- Penduk - Penyalut pada sarung keris dari emas, perak dan lain-lain.

Penomah	- Raja - pemberian kepada bakal mentua.
Permanjungan	- Bahagian rumah yang ditinggikan disisi atau di tengah rumah.
Peterana	- Sejenis tempat duduk untuk orang yang dihormati (raja mempelai dan lain-lain).
Puaidai	- Sejenis hamparan dari kain, untuk tempat berjalan atau tempat duduk orang besar-besar (pengantin ketika bersanding dan lain-lain).
Puan	- Tempat sirih yang diperbuat dari emas atau perak biasanya dipakai oleh permaisuri, pengantin perempuan atau sebagai tanda kekuasaan raja.
Rana Sekati	- Nama sejenis bunyi-bunyian.
Sabda	- Kata-kata (nabi, raja, orang-orang besar), titah.
Santap	- makan, minum.
Selukat	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang diperbuat daripada logam.
Semayam	- Duduk di atas takhta atau singgahsana.
Sida-sida	- Pegawai dalam istana (mungkin sj pendeta), pegawai dalam istana yang telah dikasi (dikembiri).
Singgahsana	- Kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam).
Siram	- Mandi.
Suling	- Sejenis serunai, bangsi, salong, seruling.
Tabal	- Majlis merasmikan penobatan atau kemahkotaan raja.

- Terterapan - Sarung keris yang dilapis dengan emas atau ditatah dengan permata.
- Tetampan - Selampai dari kain sutera kuning yang (disibai-kan kebahu ketika menghadap raja atau untuk menudungi barang-barang yang dipersembahkan kepada raja).
- Titah - Kata raja, perintah.
- Tutuh - Memotong dahan atau cabang kayu.
- Wali - Sejenis kain kuning yang disampaikan di bahu pegawai istana yang membawa alat kerajaan.

0.5. TRANSLITERASI

Bagi Perkataan-perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

a =	ا	d =	ض
b =	ب	t =	ط
t =	ت	z =	ظ
th =	ث	c =	ع
j =	ج	gh =	غ
h =	ح	f =	ف
kh =	خ	q =	ق
d =	د	k =	ك
dh =	ذ	l =	ل
r =	ر	m =	م
z =	ز	n =	ن
s =	ص	h =	ه
sh =	ش	w =	و
s =	ص	y =	ي
		,	ة
dammah + waw = ū		fathah	= a
Fathah + yā' = ai		kasrah	= i
fathah + waw = au		dammah	= u
		fathah + alif	= ā
		kasrah + yā'	= ī

BAB KETIGA

3.1. ADAT ISTIADAT RAJA-RAJA MELAYU YANG TERPAKAI

Mengenai Adat Istiadat yang terdapat di dalam teks-teks Undang-Undang Melayu Lama telahpun dibincangkan dalam bab yang lalu dan perbincangan selanjutnya yang akan diuraikan di sini ialah adat istiadat yang terpakai di hari ini iaitu bermula dari adat istiadat larangan, kemudian diikuti dengan upacara-upacara dan peraturan-peraturan adat istana yang terpakai di hari ini. Semua perbincangan-perbincangan akan didasarkan kepada hasil temuranah dan juga nota-nota yang didapati dari pejabat Duli Yang Maha Mulia¹ Sultan Kedah.

3.1.1. Adat Istiadat Larangan

Berhubung dengan adat istiadat ini akan diterangkan mengikut susunan seperti di dalam bab yang lalu iaitu dimulakan dengan larangan kekuningan diikuti dengan larangan kain nipis, keris berhulu emas, membuat rumah dan perahu, tilam pandak empat persegi, tombak bercabang tiga dan adat memakai payung.

¹Duli Yang Maha Mulia selanjutnya akan digunakan singkatan huruf "DYMM" sahaja.

a. Larangan Kekuningan

Warna kuning masih lagi menjadi pakaian raja-raja di hari ini misalnya kain kuning digunakan semasa istiadat perkahwinan di raja, pertabalan, kemangkatan dan lain-lain. Berhubung dengan larangan perkara tersebut masih lagi dikenakan terhadap rakyat jelata tetapi tidak begitu jelas hukumannya apabila didapati rakyat melanggar peraturan tersebut. Menyentuh soal majlis raja-raja pada hari ini tidak timbul soal kekuningan kerana setiap upacara adat istiadat yang akan diadakan telahpun ditentukan pakaian resmi yang perlu dipakai semasa menghadiri perayaan tersebut.¹

Sebagai contoh arahan tersebut misalnya diarahkan supaya memakai baju Melayu dan bertengkolok ataupun kot dan sebagainya maka tidak timbul lagi soal larangan kekuningan kerana apabila terdapat di antara yang hadir memakai selain dari yang diarahkan termasuk juga kekuningan mereka tidak dibenarkan masuk² dan kadang-kadang mereka diberi surat peringatan supaya tidak melakukan atau mengulangi perkara tersebut di kali yang lain.³

¹Hasil Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh pada 9.11.1982 dan Yang Teramat Mulia (selanjutnya akan digunakan "YTM" sahaja) Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur pada 14.11.1982.

²Temuramah dengan Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah pada 17.11.1982.

³Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh.

Menyentuh soal larangan Di raja ini juga, jika terdapat rakyat melakukannya, hukuman yang begitu jelas tidak didapati hanya yang ditonjolkan oleh YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji iaitu "Tulah"¹ di mana rakyat yang melanggar peraturan ini atau cuba melebihi atau menyamakannya dengan raja atau sultan dari segi pakaian, barang-barang kegunaan dan sebagainya akan terkena "Tulah" tersebut.²

b. Kain Nibis

Terdapat juga larangan pakaian yang nipis atau jarang, mini skirt (pakaian singkat) dan lain-lain pakaian yang menjolok mata memandang. Larangan ini bukanlah berdasarkan kepada kain nipis itu sendiri tetapi adalah berdasarkan kepada kesopanan dan juga larangan ugama.³

c. Keris Berhulu Emas

Soal keris terdapat juga dalam senarai peralatan kerajaan Negeri Kedah yang digunakan semasa perayaan-perayaan dan juga semasa upacara adat istiadat Di raja diadakan. Keris itu tidaklah

¹Tulah iaitu kemalangan yang menimpa seseorang kerana melanggar larangan atau melakukan sesuatu yang kurang baik atau menderhaka kepada raja.

²Temuramah dengan YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur.

³Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh dan YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur.

disyaratkan berhulu emas dan sebagainya tetapi dalam hal ini ia tidak mempunyai apa-apa larangan terhadap rakyat menggunakannya¹ kecuali menyentuh soal keselamatan.

d. Membuat Rumah dan Perahu.

Mengenai perkara ini tidak terdapat apa-apa larangan di negeri Kedah pada hari ini terhadap rakyat yang ingin mendirikan rumah dan juga membuat perahu, mereka boleh melakukannya dalam apa bentuk sekalipun, tidak ada apa-apa peruntukan larangan adat istiadat mengenai perkara ini keatas rakyat.²

e. Tilam Pandak Empat Persegi

Berhubung dengan tilam di atas tidak ada apa-apa larangan yang dikenakan kepada rakyat menggunakannya.

f. Tombak Bercabang Tiga

Tombak masih digunakan di hari ini dalam upacara istiadat tetapi digunakan yang bermata satu sahaja. Mengenai tombak bercabang tiga tidak digunakan lagi dan tidak ada larangan terhadap rakyat menggunakannya.

¹ Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh.

² Ibid.

g. Adat Memakai Payung

Pada masa ini tidak ada larangan khusus pada rakyat menggunakannya.¹ Ia digunakan di masa istiadat pertabalan, istiadat menjunjung duli atau istiadat di balai penghadapan, istiadat perkahwinan, istiadat kemangkatan dan lain-lain. YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji menambah dalam soal larangan menggunakan payung ubur-ubur tidak didapati dengan nyata, apa yang ditonjolkan oleh beliau iaitu jika rakyat yang melanggar peraturan larangan ini kemungkinan besar mereka akan terkena "Tulah" raja.² Mengenai warna payung yang digunakan untuk majlis raja ialah kuning, untuk raja muda kuning dan dan hijau dan untuk kerabat Di raja ialah warna hijau.³

3.1.2. Upacara dan Peraturan Adat Istana

Setelah dilihat mengenai larangan-larangan di bahagian yang lalu, kemudian dalam bahagian ini akan diterangkan pula mengenai Upacara dan Peraturan Adat Istana di hari ini.

¹ Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh pada 9.11.1982.

² Temuramah dengan YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur pada 14.11.1982.

³ Nota Pejabat DYMM Sultan Kedah.

a. Adat Bahasa Raja-Raja

Bahasa yang dipertuturkan berhubung dengan golongan raja di hari ini banyak mempunyai persamaan dengan bahasa-bahasa yang diterangkan di dalam bab yang lalu iaitu anugerah, baginda, beradu, berangkat, bercemar, bersiram, beta, daulat, gering, ketor, kurnia, makam, mangkat, murka, nobat, pacal, patik, santap, semayam, sila, tabal dan titah. Perkataan sabda tidak digunakan lagi di hari ini.¹ Jika didapati rakyat menggunakan bahasa-bahasa tersebut tidak ada hukuman yang dikenakan hanya mereka dianggap sebagai orang yang tidak bersopan kerana tidak menghormati keistimewaan golongan raja.²

b. Adat Utusan Datang dan Pergi

Pada hari ini tidak adalagi upacara adat di atas kerana segala urusan-urusan yang perlu adalah melalui urusan kerajaan ataupun melalui pejabat DYMM sultan.³

c. Adat Istiadat Raja Berjalan

Menurut Tuan Syed Unan Mashri menyatakan bahawa istiadat

¹ Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Soloh.

² Temuramah dengan Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah.

³ Ibid.

raja atau sultan berjalan tidak didapati lagi dengan rasmi seperti Adat Istiadat dahulu kala kerana segala pergerakan di Raja atau sultan di hari ini adalah dengan menaiki kenderaan (kereta) yang diawasi oleh anggota pasukan keselamatan,¹ kecuali pada jarak-jarak yang dekat sultan berjalan melalui puaidai yang disediakan. Jika orang biasa yang mengetahui adat berada di situ mereka hanya dikehendaki berdiri dan tunduk memberi hormat kepada sultan sahaja ketika itu. Orang yang mengetahui adat tidak memberi hormat adalah dianggap sebagai seorang yang biadap.²

d. Adat Istiadat Menjunjung Duli (Adat Istiadat Mengadap di Balai Penghadapan)

Semasa adat istiadat ini dijalankan, anak-anak raja duduk di kanan balai, Dato'-Dato' di kiri dan ada juga duduk berhadapan dengan singgahsana dan diikuti di belakang mereka orang-orang besar negeri dan pegawai-pegawai kerajaan.

Peralatan yang digunakan:

- Payung ubur-ubur kuning.
- Cogan Ugama.
- Cogan Alam.

¹Ibid.

²Ibid.

- Cokmar.
- Pedang.
- Lembing.

Sultan dan Sultanah keluar dari bilik istana dengan didahului oleh ketua adat istiadat dalam jarak 10 kaki. Sultan dan Sultanah diiringi oleh pembawa cogan ugama di sebelah kanan, cogan alam sebelah kiri dan diikuti oleh angkatan berpedang, lembing, tombak dan cokmar.¹

Semasa sultan dan Sultanah keluar dari bilik istana, baginda disambut dengan bacaan selawat sekali oleh seorang yang dikhaskan. Apabila sampai di pintu balairong seri, sultan dan sultanah masuk disambut pula dengan paluan gendang nobat lagu "raja berangkat" dan payung ubur-ubur yang berada di kiri kanan balai pun dikembangkan. Semua angkatan pengiring tadi pun berpecah mengikut peraturan kekiri dan kekanan balairong tersebut² dan berdiri di belakang singgahsana semasa sultan dan sultanah bersemayam di atasnya.

¹Ibid.

²Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh, Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah dan Dato' Hj. Shuib bin Osman pada 14.11.82.

Para hadirin bangun memberi hormat sehingga sultan dan sultanah duduk di atas singgahsana barulah mereka duduk kembali.¹ Kemudian ketua adat istiadat Dato' Paduka Indera memohon izin untuk memulakan adat istiadat itu.² Setelah tamat upacara menganugerah darjah kebesaran, Dato' Paduka Indera sekali lagi memohon untuk menamatkan adat istiadat tersebut.³ Sultan dan Sultanah berangkat turun dari astaka, nobat dibunyikan. Baginda diiringi oleh cogan ugama, cogan alam, angkatan berpedang, lembing, tombak dan pulang kebilik peraduan.⁴

e. Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya

Pada pagi hari raya dua orang yang berpangkat Dato' dan Datin pergi ke istana untuk mengiringi sultan dan sultanah berangkat pergi menunaikan sembahyang hari raya. Sultan menaiki sebuah kereta bersama juruiring (adikong) dan dua orang dato' tadi mengikuti dari belkang, begitu juga dengan sultanah baginda menaiki sebuah kereta bersama dengan Dang Perwira dan dua orang Datin mengikuti dengan kereta yang lain di belakang. Kenderaan yang

¹ Temuramah dengan Dato' Hj. Shuib bin Osman.

² Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh.

³ Temuramah dengan Dato' Hj. Shuib bin Osman.

⁴ Temuramah dengan Tuan Syed Unan Mashri.

dinaiki oleh Sultan dan Sultanah didahului oleh pasukan polis yang bermotosikal dan juga kereta mengikuti di belakang. Sultan menunaikan sembahyang di masjid Zahir Alor Setar dan Sultanah menunaikan sembahyang di Balai Besar Alor Setar.

Tibanya Sultan diperkarangan masjid baginda disambut dengan lagu "Allah selamat Sultan" dan juga diadakan pemeriksaan perbarisan pasukan keselamatan. Setelah tamat, baginda naik ke masjid disambut oleh Yang Di Pertua Majlis Ugama¹ diikuti oleh Datuk-Datuk, orang-orang besar dan seterusnya rakyat kemudian menunaikan sembahyang hari raya. Selesai sembahyang DYMM berkenan bersalaman hari raya dengan sekalian yang hadir, kemudian DYMM sultan berangkat pulang ke istana.²

f. Adat Istiadat Perkahwinan.

Dalam bahagian ini penerangan akan dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil yang merangkumi istiadat merisik dan meminang, maskahwin, rombongan hantaran maskahwin dan penerimaan maskahwin, istiadat ber^cakad, istiadat berandam, berinai, bersanding dan berlimau, istiadat menyambut dan perkara-perkara Am.

¹Seterusnya akan digunakan YDP sahaja.

²Temuramah dengan Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah.

i- Merisik dan Meminang: Setelah risikan dijalankan dan mendapat persetujuan dari kedua belah pihak maka hari menghantar surat pinangan dan tanda dipertetapkan. Alat-alat yang digunakan semasa menghantar surat pinangan dan tanda itu seperti berikut:

- a- Tepak sirih
- b- Surat Pinangan
- c- Penomah - sebagai tanda (seperti cincin atau lain-lain benda yang dipersetujui oleh kedua belah pihak).

Ketua rombongan yang pergi menghantar pinangan itu hendaklah terdiri dari ayah kepada putera yang hendak berkahwin. Jika tiada hendaklah digantikan oleh seorang yang berpangkat tua sekali seperti ayah saudara atau orang kenamaan yang lain. Ketua-ketua tersebut seboleh-bolehnya hendaklah berkelamin. Bilangan ahli rombongan peminangan puteri sultan yang memerintah hendaklah tidak kurang dari sepuluh kelamin, puteri al-Marhum Sultan tidak kurang dari tujuh kelamin dan puteri Raja Muda tidak kurang dari lima kelamin.

Pihak yang menerima pinangan puteri sultan yang memerintah ialah DYMM sultan dan DYMM sultanah sendiri kecuali apabila diwakilkan kepada kerabat di raja yang tertua. Surat pinangan dibacakan oleh YDP Majlis Ugama Islam atau Kadi Besar atau lain-lain

orang yang dititahkan oleh DYMM. Apabila peminangan itu telah diperkenankan oleh DYMM, baginda akan bertitah demikian kepada ketua rombongan itu. Semasa istiadat peminangan itu DYMM dan wakil baginda boleh menetapkan hari hantaran maskahwin dan hari perlangsuran perkahwinan.

Sementara pihak yang menerima pinangan puteri al-Marhum Sultan ialah pihak wali puteri yang hendak dikahwinkan itu sendiri dan isterinya atau wakil yang dipilih dari kerabat di raja yang tertua. Penerima pinangan puteri Raja Muda hendaklah Raja Muda dan isterinya sendiri atau kerabat-kerabat Di raja yang tertua atau saudara-saudara yang lain diwakilkan olehnya.¹

ii- Maskahwin: Ia telah ditetapkan seperti berikut:

- a- Puteri Sultan yang memerintah - \$1,001.00
- b- Puteri al-Marhum Sultan - \$701.00
- c- Puteri Raja Muda - \$501.00
- d- Puteri Kerabat Diraja yang lain - \$501.00

Mengenai belanja perkahwinan terpulang kepada persetujuan kedua belah pihak dan hantaran pula hendaklah mengandungi tiga atau

¹Nota Peraturan Istiadat Perkahwinan Kerabat Diraja Kedah bab 11.

sebanyak-banyaknya lima bekas:

- a- Tepak sirih
- b- Maskahwin
- c- Barang Keemasan
- d- Persalinan
- e- Lain-lain barang.¹

iii- Rombongan Hantaran Maskahwin dan Penerimaan Maskahwin:

Ketua rombongan hantaran maskahwin hendaklah seorang yang berpangkat tua sekali seperti ayah saudara putera yang hendak berkahwin atau lain-lain orang yang berpangkat. Bilangan ahli rombongan hantaran maskahwin puteri sultan yang memerintah tidak kurang dari lima belas orang kenamaan, puteri al-Marhum Sultan tidak kurang dari sepuluh orang yang berkelayakan dan puteri Raja Muda tidak kurang dari tujuh orang yang berkelayakan.

Pihak yang menerima hantaran pula, bagi puteri sultan yang memerintah ialah YTM Raja Muda atau Tunku Bendahara, Tunku Temenggung, Tunku Laksemama atau kerabat Diraja yang terkanan yang dititahkan oleh DYMM sultan. Bagi puteri al-Marhum Sultan hendaklah saudara yang tertua kepada puteri yang hendak berkahwin itu

¹Ibid, bab iii.

dan bagi puteri Raja Muda hendaklah Raja Muda sendiri atau saudara tertua kepadanya atau lain-lain kerabat Diraja yang diwakilkan olehnya. Bagi mana-mana kerabat Diraja tidak dikehendaki mengadakan balasan bagi hantaran-hantaran tersebut.¹

iv- Istiadat Ber^Cakad Nikah: Istiadat ini diatur sebelah petang. Pengantin lelaki hendaklah berpakaian Melayu, baju dan seluar berwarna putih, bersongkok atau bertengkolok dan boleh berbengkok tetapi tidak berkeris. Khutbah dibacakan oleh Qāḍī besar atau seorang ^Cālim yang ditentukan, ^Cakad dilakukan oleh Qāḍī besar, doa dibacakan oleh YDP Majlis Ugama Islam.²

v- Istiadat Berendam, Berinai, Bersanding dan Berlimau: Istiadat berendam dan berinai kecil dilakukan dua hari sebelum dilangsungkan perkahwinan (bersanding) dan istiadat berinai besar diadakan sehari sebelum perkahwinan dilangsungkan. Pakaian pengantin semasa istiadat berinai besar hendaklah berwarna hijau dan semasa istiadat bersanding seboleh-bolehnya hendaklah berpakaian melayu warna kuning, merah atau lain-lain warna ikut pilihan yang

¹Ibid, bab vi.

²Ibid, bab vii.

telah ditentukan. Bagi pengantin lelaki yang berhak memakai uniform boleh berbuat demikian.

Apabila majlis bersanding telah siap sedia, Seri Maharaja Lela bangun mengadap mempersila kebawah DYMM menepung tawar kedua pengantin, kemudian mempersilakan pula DYMM Sultanah seterusnya diikuti oleh kerabat-kerabat Diraja yang ditentukan mengikut giliran masing-masing. Selesai istiadat menepung tawar, Seri Maharaja Lela mengadap DYMM mempermaklumkan istiadat menepung tawar telah tamat. DYMM berdua pun berangkat meninggalkan majlis. Istiadat berlimau diadakan pada hari yang ketiga selepas hari bersanding.¹

vi- Istiadat Menyambut: Hari menyambut pengantin bolehlah dijadikan hari mengadap kerana pada hari itu diadakan satu majlis mengadap. Kedua pengantin akan mengadap DYMM sultan dan DYMM sultanah pada hari tersebut. Satu rombongan diatur untuk bersama-sama pengantin perempuan di masa sambutan itu. Ketua rombongan hendaklah terdiri dari seorang kerabat Diraja yang teknanan serta isterinya atau lain-lain kerabat Diraja yang dititahkan oleh ayah dan bonda pengantin tersebut kecuali jika tiada atau tidak dapat

¹Ibid, bab vi.

bersama akan diwakilkan kepada saudara yang tua suami isteri.¹

vii- Perkara-Perkara Am: Pada hari permulaan meletak kerja mengenai perkahwinan, meriam ditembak sembilan kali sebagai tanda meletak kerja. Majlis membaca doa selamat diadakan di bawah kelolaan YDP Majlis Ugama Islam. Satu Majlis istiadat diadakan di istana pada hari menerima maskahwin. Pada hari ^Cakad perkahwinan atau hari yang lain sebelum hari perlangsungan diadakan kenduri arwah dan bacaan berzanji. Pada malam bersanding pula diadakan jamuan besar-besaran, bunyi-bunyian dan sebagainya. Nobat dipalu semasa hari meletak kerja, hari hantaran maskahwin dan pada hari berlimau.²

g. Adat Istiadat Pertabalan

Apabila tiba waktu yang telah dipertetapkan DYMM Sultan dan DYMM Sultanah berangkat dari istana ke balai pertabalan diiringi oleh pengiring-pengiring Diraja. Berhampiran dengan balai pertabalan satu kumpulan "Perarakan Pertabalan" mengambil tempat dan bersedia. Perarakan itu mengandungi pegawai-pegawai yang membawa:

¹Ibid, bab vii.

²Ibid, bab ix.

- Cogan Ugama 1 orang
- Cogan Alam 1 orang
- cokmar 2 orang
- Pedang 12 orang
- Tombak berambu 12 orang
- Lembing 12 orang
- Payung Ubur-ubur warna kuning 16 orang
- Tunggul-Tunggul Merawal warna kuning, merah dan hijau
24 orang.

Perarakan pertabalan itu diketuai oleh Seri Maharaja Lela memakai pakaian istiadat yang diperbuat khas dan dipayungkan dengan payung ubur-ubur warna merah dan membawa keris panjang. Orang-orang yang membawa cogan ugama, cogan alam terdiri dari Dato'-Dato' atau pegawai-pegawai yang dipilih khas memakai pakaian bewarna hitam berselempang kain warna kuning.

Setibanya perarakan DYMM di tempat perarakan tabalan, baginda berdua berangkat masuk ke dalam kumpulan perarakan itu kemudian mara menuju ke balai pertabalan didahului oleh kumpulan perarakan tabalan. Apabila sampai di balai pertabalan, pasukan perarakan terus berjalan ketempat yang ditetapkan, kenderaan DYMM berhenti.

Baginda berdua berangkat turun disambut oleh Yang Amat Berhormat¹ Menteri Besar dan isteri serta pegawai-pegawai yang berkenaan. DYMM Sultanah berangkat ketempat khas dan DYMM Sultan berangkat kepentas khas untuk menerima tabek kehormatan. Selepas memeriksa barisan kehormatan DYMM berdua naik kenderaan terus berangkat ke balairong Seri. Pegawai-pegawai bahagian perarakan tabalan iaitu pegawai yang membawa cogan ugama, cogan Alam, cokmar, pedang, tombak berambu, lembing dan payung ubur-ubur naik ke balai dan mengambil tempat yang telah disediakan.²

Apabila majlis telah siapsedia nafiri ditiupkan sebagai tanda keberangkatan tiba DYMM berdua ke balai tabalan semua hadirin bangun berdiri ketika ini, keberangkatan baginda didahului oleh Seri Maharaja Lela, kemudian baginda diapit oleh pegawai atau Dato' yang membawa cogan ugama, cogan alam, cokmar dan pedang. Di belakang baginda berdua diikuti oleh juruiring dan Dang Perwara. Setelah tiupan nafiri berhenti selawat mula dilafazkan, tamat selawat, nobat dipalu lagu "Raja Berangkat".

¹Yang Amat Berhormat Selanjutnya akan digunakan YAB sahaja.

²Nota Peraturan Adat Istiadat Pertabalan Sultan Negeri Kedah bab 1.

Baginda berdua berangkat naik bersemayam di singgahsana. Para hadirin duduk kembali, Seri Maharaja Lela mara ke hadapan astaka mengangkat sembah dan memohon izin DYMM memulakan istiadat. Seri Maharaja Lela memohon mengundur diri, kemudian masuk kembali diikuti oleh pegawai-pegawai yang membawa alatan-alatan pertabalan ia-itu:

- Puan Sireh
- Keris Kebesaran
- Surat Peristiharan Pertabalan
- Surat Titah Diraja
- Benian
- Kendi
- Embat-Embat
- Bekas Perasap

Semua peralatan ini diletakkan di atas meja khas berhadapan astaka. YDP majlis Ugama Islam dipersilakan untuk membacakan ayat suci al-Quran yang sesuai dengan pertabalan dan terjemahannya. Kemudian surat pertabalan dibacakan oleh Menteri Besar. Selesai sahaja, surat itu diserahkan kembali kepada Seri Maharaja Lela. Seri Maharaja Lela mara ke hadapan astaka mengangkat sembah dan mempersembahkan surat titah Diraja kebawah DYMM, kemudian DYMM berangkat turun dari singgahsana menerima surat titah Diraja dan membacanya.

Selesai dibaca ia diserahkan kembali kepada Seri Maharaja Lela kemudian bersemayam kembali.

Seri Maharaja Lela mara hadapan astaka mengangkat sembah mengambil keris kebesaran dan melafaz sembah:

"Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
sembah patik harap diampun."
"Patik mempersembahkan kebawah Duli
Yang Maha Mulia keris kebesaran
negeri ini sebagai lambang kebesaran,
kedaulatan dan kekuasaan Duli Yang
Maha Mulia."
"Ampun Tuanku."

DYMM menerima keris tersebut dan menghunusnya, kemudian disarungkan kembali. Hadirin bangun berdiri semasa sembah dilafazkan. Seri Maharaja Lela menyeru "Daulat Tuanku" tiga kali diikuti oleh sekalian hadirin. Nobat dipalu lagu "Raja Bertabal", meriam ditembak 21 das bermula semasa "Daulat Tuanku" yang pertama dilafazkan, payung ubur-ubur di balai tersebut dikembangkan. Apabila tamat paluan nobat lagu "Allah Selamat Sultan" dinyanyikan dan DYMM bersemayam kembali diasinggahsana.

Setelah bedilan meriam tamat, YAB Menteri Besar membaca surat taat setia, kemudian YDP Majlis Ugama Islam dengan diapit

oleh Cadi Besar dan Imam besar negeri Kedah tampil kehadapan membaca doa selamat, sekalian yang hadir ketika ini bangun berdiri. Selesai sahaja, DYMM berangkat turun dari astaka, nobat dipalu lagu raja berangkat dan DYMM berdua berangkat ke istana.¹

h. Adat Istiadat Kemangkatan

Apabila berlaku kemangkatan sultan, YDP Majlis Ugama Islam ditugaskan mengatur siraman jenazah DYMM dan juga mengatur 'alim 'ulama' membaca Quran dan tahlil di anjung istana. Pada masa yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa tetap, jenazah DYMM disiramkan. Orang-orang yang menjalankan pekerjaan menyiram itu terdiri dari:

- 2 orang penyiram
- 2 orang menatang air bidara
- 2 orang menatang sintuk bersabun
- 2 orang menatang kain perbasahan
- 2 orang meruang.

Di dalam bilik atau tempat meruang itu digantung kain lelangit warna kuning dan tepi kain lelangit itu dibuat berapul kain warna kuning juga. Semasa dimulakan upacara persiraman nobat dipalu dan apabila selesai sekali lagi ia dipalu. Semasa peker-

¹Ibid, bab ii & iii.

jaan ini dijalankan tidak dibenarkan sesiapa pun masuk kecuali kerabat Diraja yang telah ditentukan.

Setelah selesai upacara bersiram, jenazah DYMM disemayamkan dalam bilik khas untuk dikapankan tetapi hendaklah terlebih dahulu kerabat-kerabat Diraja yang kanan dan orang-orang kenamaan masuk dan duduk membuat barisan dengan tertib. Pekerjaan mengapan jenazah dijalankan oleh orang yang ditentukan di bawah kelolaan YDP Majlis Ugama Islam.

Selesai sahaja pekerjaan mengapan jenazah, DYMM Sultanah, bakal sultan dan isteri dipersilakan masuk kebilik khas untuk menabur cendana seterusnya diikuti oleh kerabat-kerabat Diraja yang lain. Selesai upacara menabur cendana jenazah DYMM dimasukkan ke dalam keranda dan dibawa keluar dari bilik ke anjung istana oleh kerabat Diraja yang telah dipilih kemudian disemayamkan di atas peterana yang diperbuat tiga tingkat dan ditutup dengan kain yang bewarna kuning.

Kemudian jenazah disembahyangkan di bawah kelolaan YDP Majlis Ugama Islam. Setelah selesai bersembahyang, empat orang pegawai perempuan ditugaskan membawa kendi dan bekas perasap dengan memakai baju labuh, kain dan kain sebai serba hitam serta

kain tetapan warna kuning di sebelah bahu kiri, kemudian mengambil tempat duduk di empat penjuru penterana jenazah. Raja-raja, gabenor-gabenor, wakil-wakil raja, wakil-wakil gabenor, kerabat-kerabat Diraja yang kanan, menteri-menteri, wakil-wakil rakyat, datuk-datuk dan orang-orang kenamaan dipersilakan keanjung istana duduk berbaris mengadap kepada jenazah.

DYMM bakal sultan diiringi oleh Menteri Besar bersama seorang kerabat Diraja yang kanan dan Seri Maharaja Lela berangkat terus keanjung istana. YAB Menteri Besar mengistiharkan keputusan "Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja". Selepas Seri Maharaja melaungkan perkataan "Daulat Tuanku" tiga kali berturut-turut kemudian disambut oleh para hadirin. Nobat dipalu lagu raja bertabal kemudian lagu "Allah Selamat Sultan" dimainkan oleh pasukan pancaragam seterusnya doa selamat dibacakan. DYMM sultan menitahkan supaya mengangkat jenazah.

Nobat dipalu lagu "Raja Berangkat". Meriam ditembak mengikut bilangan umur al-Marhum, satu das dikira untuk satu tahun. Tempat pengusungan jenazah iaitu perusung raja diraja dibuat tiga tingkat. Bumbung usungan itu dilengkapi dengan kain berwarna kuning. Keranda jenazah disalutkan dengan warna kuning dan kain tudungnya digunakan bendera peribadi DYMM sultan.

Di tingkat pertama perusung Raja Diraja di sebelah kiri dan kanan terdiri dari empat orang pegawai perempuan memegang bekas perasap dan kendi. Di tingkat ketiga perusung itu berdiri empat atau enam orang pegawai-pegawai tadbiran negeri menatang bantal (cushion) berwarna kuning yang diletakkan diatasnya bintang-bintang kebesaran al-Marhum dan juga bunga emas dan perak. Pegawai-pegawai tersebut hendaklah memakai pakaian serba hitam, bertengkolok dan bertetampan kuning. Di keempat-empat penjuru perusung raja diraja itu berdiri empat orang pawai lelaki berpakaian seragam hitam berselampang kain kuning memegang payung ubur-ubur warna kuning.

Dalam soal pengkebumian jenazah, beberapa orang kerabat diraja, pegawai-pegawai kerajaan, Qādī-Qādī dan pegawai-pegawai ugama yang ditetapkan namanya ditugaskan pergi terlebih dahulu kemakam untuk menyambut jenazah apabila sampai. Pengiring-pengiring jenazah seperti berikut:

a. Yang berjalan di hadapan sekali ialah orang-orang yang membawa cogan alam, cogan ugama, 44 tunggul-tunggul, 12 membawa tombak dan 12 membawa pedang. Cogan alam, cogan ugama, segala tombak, lembing dan pedang adalah bersampul kain berwarna kuning. Tiang tunggul-tunggul dibalut dengan kain warna kuning, merah dan hijau.

- b. Diikuti oleh pasukan nobat berkereta.
- c. 'Alīm 'ulamā' yang diketuai oleh YDP Majlis Ugama Islam.
- d. Seri Maharaja Lela memakai pakaian bewarna hitam bertepatan kuning memegang keris panjang.
- e. Jenazah diiringi kiri dan kanan oleh pasukan tentera.
- f. DYMM Sultan
- g. DYMM Seri Padukan Baginda Yang Dipertuan Agung atau wakilnya.
- h. DYMM Raja-Raja Melayu atau wakil-wakil baginda.
- i. Tuan Yang Terutama Gabenor-Gabenor, Yang Di pertua negeri Sabah atau wakil-wakil yang terutama.
- j. Kerabat-kerabat Diraja Kedah yang hampir sekali dengan al-Marhum.
- k. Perdana Menteri Malaysia atau wakilnya.
- l. Menteri Besar Kedah.
- m. Menteri-menteri Malaysia.
- n. Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Malaysia.
- o. Tun-Tun, Tan Seri-Tan Seri, Datuk-Datuk.
- p. Ahli-ahli Dewan Negara
- q. Ahli-Ahli Dewan Rakyat.
- r. Ahli-Ahli Dewan Negeri.
- s. Duta-Duta dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya.
- t. Ketua-Ketua Pejabat Persekutuan dan Negeri.

- u. Pegawai-Pegawai tadbiran negeri.
- v. Orang-orang kenamaan yang lain.
- w. Penghulu-penghulu mukim.

Sepanjang perjalanan ke makam nobat dibunyikan. Apabila sampai pasukan nobat turun dahulu mengambil tempat yang telah disediakan kemudian jenazah diturunkan dari perusung Raja Diraja. Pekerjaan permakaman dimulakan di bawah kelolaan YDP majlis ugama. Pawai-pawai perempuan yang membawa bekas perasap dan kendi mengambil tempat yang telah disediakan, pawai-pawai yang membawa payung ubur-ubur membuka payung dan berdiri di empat penjuru liang permakaman dan pegawai-pegawai yang membawa bintang-bintang kebesaran meletakkannya di tempat yang disediakan. Nobat dipalu lagu raja beradu semasa keranda jenazah diturunkan kedalam liang permakaman. Selesai permakaman talkin, tahlil dan doa dibacakan. Selesai semuanya tembakan sekumpulan senapang tiga kali berturut-turut, bugle ditiupkan lagu "last post". DYMM Sultan, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di pertuan Agung, DYMM Raja-Raja Melayu, Tuan-Tuan Yang Terutama Gabenor-Gabenor atau wakil-wakil mereka berangkat pulang. Kenduri arwah diadakan di istana tiga malam berturut-turut kemudian pada hari-hari lain yang dipertetapkan.¹

¹Nota Peraturan Istiadat Kemangkatan dan Permakaman Diraja Negeri Kedah bab 1.

3.2. PENELITIAN DAN PENGANALISAAN

Penelitian dan Penganalisaan dibuat adalah untuk memperlihatkan persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang didapati di antara adat istiadat lama dan baru. Dalam bahagian adat istiadat larangan kita dapati larangan kekuningan masih juga didapati di hari ini sekadar larangan tersirat iaitu untuk menghormati keistimewaan-keistimewaan golongan raja kerana dalam bahagian ini tidak disebutkan sejauhmana hukuman-hukuman yang dikenakan terhadap pelanggarnya, kecuali ditonjolkan tidak secara resmi iaitu "tulah" di mana pelanggar peraturan tersebut akan terkena tulah raja. Terdapat juga dalam keadaan tertentu mereka tidak akan dibenar masuk dalam majlis raja-raja, ini berbeza dengan undang-undang lama di mana pelanggar akan dikenakan hukuman bunuh. Persamaan-persamaan juga didapati dari segi warna kuning itu sendiri iaitu masih lagi menjadi pakaian khas atau istimewa golongan raja.

Selain dari warna kekuningan terdapat juga larangan kain nipis dalam majlis raja-raja, ini menunjukkan persamaan dari segi larangan itu sendiri tetapi berbeza dari segi tujuannya kerana dalam adat istiadat lama ia merupakan larangan mutlak terhadap rakyat di majlis raja-raja. Dalam adat istiadat di hari ini larangan kain nipis bertujuan untuk memenohi kesopanan di majlis raja-raja

dan juga untuk memenuhi kehendak larangan ugama.¹ Hukuman yang akan dikenakan kepada pelanggar dalam undang-undang lama ialah dicarikkan atau dikeluarkan dari majlis itu.² Sementara hukuman yang dikenakan di hari ini dalam keadaan tertentu mereka tidak dibenarkan masuk dalam majlis tersebut.

Larangan penggunaan keris berhulu emas tidak didapati dalam istiadat di negeri Kedah di hari ini tetapi ia masih digunakan dalam istiadat-istiadat tertentu dengan tidak mensyaratkan samada berhulu emas atau tidak. Di sini hanya didapati persamaan dari segi penggunaan keris itu sahaja tetapi tidak mempunyai larangan kepada rakyat jelata menggunakannya.³

Dalam soal mendirikan rumah dan membuat perahu mengikut undang-undang lama terdapat larangan-larangan dalam bentuk tertentu seperti membuat rumah bertiang gantung, bertiang terus dari atap ke bawah, beranjung dan tidak boleh membuat ruang peranginan. Mengenai perahu pula tidak boleh didirikan tempat duduk yang menye-

¹ Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh pada 9.11.1982.

² Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 64.

³ Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh pada 9.11.1982.

rupai tempat penghadapan raja.¹ Keadaan ini berlainan dengan peraturan istiadat negeri Kedah hari ini kerana tidak didapati larangan mengenai perkara tersebut kecuali apa yang disebutkan oleh YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji orang yang cuba melebihi taraf dan kedudukan raja dikhuatiri akan terkena "tulah" raja.² Soal larangan penggunaan Tilam Pandak Empat Persegi tidak didapati lagi di hari ini.

Sementara penggunaan tombak masih lagi didapati tetapi yang bermata satu sahaja. Tombak bercabang tiga tidak digunakan kerana menyerupai peralatan ugama Hindu.³ Soal larangan penggunaannya tidak didapati. Penggunaan payung ubor-ubor juga masih didapati sekarang ini tetapi tentang larangan terhadap rakyat jelata menggunakannya adalah tidak begitu jelas. Di sini jelas kepada kita bahawa dalam adat istiadat Diraja Negeri Kedah walaupun terdapat penggunaan-penggunaan alatan tertentu yang menyamai adat istiadat lama tetapi tidaklah melarang penggunaan-penggunaan alatan tersebut dengan setegasnya seperti yang kita dapati di dalam undang-undang lama di mana orang yang melanggar peraturan larangan itu akan dikenakan hukuman bunuh, rampas dan sebagainya.

¹ W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 56.

² Temuramah dengan YTM Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur pada 14.11.1982.

³ Temuramah dengan Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh pada 11.8.1982.

Dalam bahagian upacara dan peraturan adat istana, bahasa-bahasa yang digunakan adalah mempunyai persamaan antara adat istiadat lama dan baru kecuali perkataan "sabda" tidak digunakan lagi. Mengenai hukuman terhadap rakyat menggunakan bahasa tersebut tidak didapati kecuali dianggap sebagai seorang yang tidak bersopan kerana tidak menghormati keistimewaan golongan raja.¹ Ini berbeza dengan undang-undang lama jika hamba raja menggunakan bahasa ini akan dihukum bunuh.²

Menyentuh soal adat istiadat utusan datang dan pergi tidak didapati lagi kerana sebarang perutusan yang membawa berita terlebih dahulu melalui pejabat DYMM Sultan, keadaan ini berlainan dengan adat raja-raja dahulu di mana penerimaan utusan merupakan peraturan resmi istana. Adat istiadat raja berjalan juga tidak didapati secara resmi kerana sebarang pergerakan Diraja telah menggunakan kenderaan di hari ini kecuali di jarak yang paling dekat. Dalam keadaan ini jika rakyat jelata yang berada di situ hanya dikehendaki menundukkan kepalanya sahaja tidaklah dikehendaki duduk seperti yang terdapat di dalam istiadat lama.

¹ Temuramah dengan Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah pada 17.11.1982.

² Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 66.

Mengenai adat istiadat menjunjung duli terdapat banyak peralatan-peralatan yang digunakan dalam istiadat di hari ini tetapi tidak diceritakan mengenai hal ini dalam undang-undang lama khasnya Undang-Undang Melaka dan Sejarah Melayu. Dalam istiadat raja berangkat pada hari raya pula kita dapati perbezaan yang jelas iaitu pada masa dahulu raja berangkat ke masjid dengan menaiki usungan tetapi di hari ini raja atau sultan di negeri Kedah khasnya adalah dengan menaiki kenderaan, gendang nobat dan tembakan meriam juga tidak didapati.¹

Dalam istiadat perkahwinan persamaan didapati antara kedua-dua adat istiadat di atas (lama dan baru) iaitu terdapat peminangan. Dari segi hantaran tidak disebut dalam undang-undang lama tetapi disebut dengan jelas dalam peraturan istiadat negeri Kedah. Persamaan juga didapati iaitu mengenai hantaran walaupun dari segi isinya berlainan mungkin untuk menyesuaikan dengan keadaan. Unsur Islam juga ditonjolkan dalam undang-undang lama iaitu upacara berakad nikah yang dilakukan oleh Qadī, keadaan ini juga didapati di hari ini. Persamaan yang lain ialah istiadat berinai yang dilakukan dua kali. Dalam istiadat lama disebut upacara berinai pertama

¹ Temuramah dengan Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah pada 17.11.1982.

dan upacara berinai kedua. Istiadat di hari ini pula disebut istiadat berinai kecil dan istiadat berinai besar.

Dalam istiadat pertabalan persamaan didapati sebahagiannya dari segi penggunaan peralatan tabalan iaitu pedang tetapi bilangannya berbeza. Dalam istiadat lama hanya menggunakan empat bilah sahaja tetapi dalam istiadat hari ini ialah dua belas bilah. Mengenai peralatan tabalan di hari ini kita dapati berlainan sedikit dan melebihi dari istiadat lama. Dalam istiadat lama peralatan yang digunakan ialah pedang, benian, pua kerajaan, bedil dan kayu berwarna kuning. Istiadat hari ini pula menggunakan cogan ugama, cogan alam, cokmar, pedang, tombak berambu, lembing, payung ubor-ubor, tunggul merawal warna kuning, pua sireh, keris kebesaran, kendi, embat-embat dan bekas perasap. Jadi di sini kita dapati di antara kedua-dua adat istiadat ini menggunakan peralatan-peralatan kerajaan dengan tujuan yang sama iaitu mengiringi perarakan tabalan walaupun dari segi penggunaan alatan itu berlainan, ini mungkin juga untuk disesuaikan dengan keadaan masa yang berbeza.

Dalam istiadat pertabalan di hari ini juga, walaupun terdapat ciri-ciri persamaan dengan istiadat lama dari segi bunyi-bunyian seperti nafiri, nobat dan sebagainya tetapi terdapat banyak pertambahan yang dibuat seperti selawat ke atas nabi, lagu

nobat ditukar iaitu lagu "Ibrahim khalilullah" dalam istiadat lama dengan lagu "raja berangkat" di hari ini, ayat-ayat suci al-Quran dibacakan, di bahagian-bahagian akhirnya ditambah dengan lagu "Allah Selamat Sultan" dan juga pembacaan doa selamat oleh YDP Majlis Ugama Islam.

Mengenai adat istiadat kemangkatan pula terdapat ciri-ciri persamaan di antara kedua-duanya walaupun di hari ini ditokok tambah dengan beberapa pembaharuan bertujuan untuk menyesuaikan dengan kehendak Islam seperti membaca al-Quran, tahlil dan lain-lain. Persamaan-persamaan lain yang didapati antaranya ialah tembakan meriam tetapi di hari ini mengikut bilangan umur sekali untuk satu tahun keadaan ini berlainan dengan adat istiadat lama kerana ia tidak dikira berapa umurnya tembakan adalah sama sahaja.

Upacara persiraman juga didapati dan orang yang melakukan pekerjaan itu dalam adat istiadat hari ini diatur dengan lebih lengkap, ini tidak menggugat kedudukan adat istiadat itu sendiri hanya sekadar untuk memudahkan pekerjaan menyiram sahaja. Setelah selesai semuanya jenazah disembahyangkan. Perusungan raja diraja kebanyakannya dihiaskan dengan kain kekuningan juga mempunyai persamaan di antara kedua-duanya.

Dari segi alatan semasa jenazah diusung ke makam hampir-hampir mempunyai persamaan kecuali dari segi pakaian iaitu di hari ini dikhaskan berwarna hitam, dalam istiadat lama tidak disebutkan. Mengenai iringan jenazah ke makam juga terdapat ciri-ciri persamaan dari segi caranya tetapi alatannya agak berbeza sedikit iaitu dalam istiadat lama menceritakan usungan jenazah diiringi dengan pasukan bertombak berjalan di kiri kanan usungan jenazah diikuti oleh beratus pasukan lembing dan senapang dan di hari ini pengiring-pengiring jenazah yang berjalan di hadapan sekali terdiri dari pembawa cogan alam, cogan ugama, 44 tunggul-tunggul, 12 tombak dan 12 pedang kemudian diikuti seterusnya oleh pasukan nobat berkereta, 'Cālim Cūlamā' dan seterusnya pembesar-pembesar negeri. Di sini persamaan-persamaan juga didapati antara kedua-dua adat istiadat tersebut tetapi terdapat sedikit sebanyak perbezaan dari segi pakaian, alatan-alatan yang digunakan dan lain-lain. Walaupun begitu dari segi asasnyalah mempunyai persamaan.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Bahagian ini merupakan sebagai kesimpulan dari keseluruhan perbincangan mengenai adat istiadat di atas. Jadi kita dapati raja-raja Melayu dahulu meletakkan adat istiadat dalam setiap pekerjaan yang hendak dilakukan bertujuan untuk membezakan antara kedudukan raja dan rakyat biasa. Keadaan ini masih diteruskan hingga ke hari ini walaupun didapati dalam beberapa segi adat istiadat itu telahpun diubah, disusun dan dibentuk sehingga ianya bersesuaian dan seálaran dengan kehendak masa misalnya dalam peraturan adat istiadat raja berjalan tidak lagi didapati kerana di hari ini telah menggunakan kenderaan, adat utusan datang dan pergi tidak lagi didapati, adat istiadat perkahwinan, pertabalan dan kemangkatan telahpun disusun dan dibentuk dengan lebih baik lagi tetapi dari segi asasnya adalah mengikut adat istiadat lama. Dalam soal larangan pula masih lagi didapati tetapi tidaklah setegas undang-undang lama hanya sekadar untuk menghormati kedudukan, pangkat dan keistimewaan golongan raja sahaja.

Walaupun adat istiadat ini dipraktikkan oleh orang Melayu iaitu Raja-Raja Melayu tetapi kita tidak menafikan juga bahawa dalam adat istiadat itu jelas memperlihatkan pengaruh adat istiadat Raja-Raja Hindu. Pengaruh-pengaruh itu seperti keistimewaan yang diberikan kepada golongan raja seperti daulat, warna kuning

yang menjadi pakaian khas dan perkataan-perkataan tertentu seperti anugerah, kurnia, bersiram, gering, santap, semayam dan lain-lain adalah berasal dari perkataan Sanskrit. Sungguhpun begitu bukanlah bermakna semua adat istiadat itu diterima begitu sahaja malahan wujud penyesuaian dengan kebudayaan Melayu sendiri.

Tambahan pula apabila datang pengaruh Islam walaupun unsur-unsur Hindu masih wujud namun apa yang jelas kelihatan ialah percampuran antara dua kebudayaan itu. Walaupun didapati adat istiadat itu merupakan sebahagian dari unsur-unsur asing tetapi oleh kerana berlakunya proses percampuran dan penyesuaian di dalam adat istiadat serta kebudayaan Melayu menyebabkan unsur-unsur asing itu telah mempunyai makna dan fungsinya yang tertentu serta telah menjadi satu tradisi yang menunjukkan cara hidup Melayu. Dalam hal ini tidak juga ketinggalan unsur-unsur Islam memainkan peranan penting dalam kebudayaan Melayu.

Sebagai penutup dari apa yang telah diterangkan di atas menunjukkan bahawa adat istiadat Diraja adalah merupakan campuran antara adat tempatan, pengaruh Hindu dan juga Islam. Pengaruh Islam didapati dengan jelas seperti dalam adat istiadat perkahwinan, pertabalan, menjunjung duli dan kemangkatan di mana terdapat didalamnya perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam di-

lakukan seperti peminangan, ^Cakad dan khutbah dalam istiadat perkahwinan, selawat dalam istiadat pertabalan dan menjunjung duli, siraman jenazah, sembahyang jenazah dan membaca al-Quran terdapat dalam istiadat kemangkatan. Ini menunjukkan bahawa dalam adat istiadat Raja-Raja Melayu telahpun didapati pengubahsuaian dengan kehendak ugama Islam dan juga keadaan semasa tetapi tidak secara keseluruhannya kerana adat pusaka nenek moyang kita dahulu juga masih dipertahankan laqi untuk menjaga maruah bangsa Melayu.

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa amalan adat istiadat Diraja adalah mencerminkan budaya Melayu di samping itu dimasukkan unsur-unsur Hindu yang telah dianggap sebagai hak sendiri dan juga unsur-unsur Islam. Oleh itu adalah perlu adat istiadat tersebut dijaga, diperbaiki dan diamalkan setakat yang tidak bertentangan dengan kehendak Islam.

BIBLIOGRAFI

1. Al-Qurān.
2. Abdullah Siddik, Dr.
Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur:
Universiti Malaya, 1975.
3. Abdullah Siddik, Dr.
Hukum Perkahwinan Islam. Jakarta: Tintamas, 1968.
4. Ahmad Abu Sunnah.
Madkhal al-Fiqh al-Islāmi. Cet. ke 2. Jami^Cah al-Azhar:
Dār al-Fikri al-^CArabi, 1965.
5. Al-Jurjani.
Kitāb al-Ta^Crifat. Kaherah, 1382.
6. Annas Haji Ahmad.
Sastera Melayu Lama dan Baru. Kuala Lumpur: Syarikat
Cahaya, 1982.
7. As-Sayuti.
Al-Asybah wa al-Nazāir fi Qawā'id wa Furū^C Fiqh al-
Shafi^Ciah. Dār Ihya' al-Kutub al-^CArabiah ^CIsa al-Bābi
al-Halabi wa Syurakāhu, 1938.
8. Az-Zarqā', Mustafa Ahmad.
Al-Madkhal al-Fiqh al-^CAm. J.2. Damsyik, 1968.
9. Bartholomew, G.W.
Malaya Law Review Legal Essays. Faculty of Law,
University of Singapore, 1972.

10. Beattie, J.
Other Cultures. London: Cohen and West, 1964.
11. Buyung Adil, Hj.
Sejarah Melaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1973.
12. David C. Baxbaum.
Family Law and Customary Law In Asia. Martinus Nijhoff,
The Hague, 1968.
13. Gibb, H.A.R., Kramers, J.H., Levi-Provencal, E., Schacht, J.
Encyclopedia of Islam. J.1. Leiden, E.J. Brill. London
Luzac & Co., 1960.
14. Harrison, Brian.
Asia Tenggara. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa,
1966.
15. Hill, A.H.
Hikayat Raja-Raja Pasai. Singapura: The Malay Publishing
House Ltd., Jun, 1960.
16. Hooker, M.B.
Adats Law in Modern Malaya. Kuala Lumpur: Oxford
University Press, London, New York, Melbourne, 1972.
17. Hooker, M.B.
Reading in Malay Adat Law. Singapore, 1970.

18. Hooker, M.B.

The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State. AJCL. vol. 16. no. 3.

19. Hooker, M.B.

The Personal Law of Malaysia. Kuala Lumpur: Oxford University Press, London, New York, Melbourne, 1976.

20. Hall, D.G.E.

History of South-East Asia. London Macmillan, 1966.

21. Hornby, A.S. et. al.

The Advanced Learners Dictionary of Current English. Oxford University Press, 1969.

22. Kassim Ahmad.

Kisah Pelayaran Abdullah. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964.

23. Kempe, J.E. & Winstedt, R.O.

A Malay Legal Digest. JMBRAS. vol. 21. Bahagian 1.

24. Khallaf, Abdul Wahab.

Ilmu Uşul Fiqh. Mesir, 1970

25. Liaw Yock Fang, Dr.

Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. Singapura: Pustaka Nasional, 1975.

26. Liaw Yock Fang, Dr.
Undang-Undang Melaka. Biblioteo Indonesia: Published
by the Koninklijk Inst., 1976.
27. Maruhun Batuah. A.M. Datuk dan Baqindo Tanameh, Datuk H.
Hukum Adat dan Adat Minangkabau. Jakarta: N.V. Poesaka
Aseli, tt.
28. Madkūr, Muhammad Salam, Dr.
Al-Ta^Crifat al-Syarī^Cah al-Islāmiah, Madkhal al-Fiqh
al-Islāmiah. Kaherah, 1964.
29. Mohd. Taib Osman.
Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia. Siri Syarahan
Tun Seri Lanang. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan, 1974.
30. Nik Suffian Hj. Abdul Karim dan Lainnya.
Kajian Kebudayaan Melayu. Kota Bharu: Pustaka Dian
Press, 1963.
31. Nordin Selat, Dr.
Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan
Melayu, 1976.
32. Osman Ishak.
Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang
Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1979.
33. Raja Mohd. Nordin al-Haj.
Risalah Kebudayaan Melayu. Siri 983. Sinaran Bros, tt.

34. Richard, A.J.N.
Sarawak Land Law and Adat. 1961.
35. Shellabear, W.G.
Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977.
36. Shellabear, W.G. (ed).
Hikayat Hang Tuah. J.2. Cet. Jawi. Singapura: Malaya Publishing House Ltd., 1949.
37. Sidi Ghazalba.
Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1967.
38. Sidin, H.M.
Asal Usul Adat Resam Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
39. Sills L. David.
International Encyclopedia of The Social Sciences. Vol. 11
America, The Mac Millan Company and The Free Press, 1968.
40. Sobhi Mahmasāni.
Falsafah al-Tasyri^C fi al-Islāmi. Beirut: Dār al-^CIlmi
Li al-Malāyēn, 1961.
41. Syed Alwi al-Hadi.
Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1980.

42. Tardjan Hadidjaja.

Adat Raja-Raja Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

43. Teuku Iskandar, Dr.

Kamus Dewan. Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1970.

44. Van Ronkel, Ph.S.

Adat Radja-Radja Melajoe. Voorhen E.J. Brill, Leiden, 1929.

45. Van Ronkel, Ph.S.

Risalah Hukum Kanun. Leiden, 1929.

46. William Skeats.

Malay Magic. London, Macmillan and Co. Ltd., 1960.

47. Winstedt, R.O.

A History of Classical Malay Literature. JMBRAS. Vol. 31. Bah. 3. 1958.

48. Winstedt, R.O.

A History of Malaya. JMBRAS. Vol. 13. Bah. 1. 1953

49. Winstedt, R.O.

Kedah Laws. JMBRAS. Vol. 6. Bah. 2. March, 1928.

50. Winstedt, R.O.

The Malays A Cultural History. London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1958.

51. Yusuf Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh.
Sejarah Melayu Satu Perbincangan Kritis Dari Pelbagai
Bidang. Kuala Lumpur, 1978.
52. Perlembagaan Persekutuan (terjemahan) Pindaan hingga 30hb.
Disember, 1978.
53. Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam (Undang-Undang Negeri
Kedah No. 9. Tahun 1962.
54. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah semakan 1973/74.

KERTAS KERJA

55. Ahmad Ibrahim, Prof.
Kearah Islamisasi Undang-Undang Di Malaysia, Masalah
Dan Kemungkinan. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Perun-
dangan Islam. UKM, Bangi pada 8 hingga 10hb. Ogos, 1981.

MAJALAH

56. Abu Hassan Sham.
Undang-Undang Hindu Dalam Teks Undang-Undang Adat
Temenggung. Dewan Bahasa. Jil. 17. Julai. 1973.
57. Mohd. Din bin Ali, Hj.
Malay Family Customary Law. Intisari. Vol. 2. No. 2.
58. Mohamad Nadzir Hasan.
Unsur Hindu Dalam Cerita-Cerita Melayu Klasik. Dian.
Jun. 1977.

59. Ya'akub Isa.

Sejarah Melayu Ditinjau Dari Beberapa Aspek. Dewan Bahasa. Jil. 21. Bil. 10. Oktober. 1977.

60. Yusuf Iskandar.

Sejarah Melayu Dan Adat Istiadat. Dewan Bahasa. Jil. 21. Bil. 10. Oktober. 1977.

TEMURAMAH

61. Dato' Hj. Shuib bin Osman (Dato' Paduka Seri Indera).

DPMK., KMN., BCK., No. 57c, Teluk Wanjah, Alor Setar, Kedah.

62. Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh (Dato' Seri Amar Diraja).

DPMK., PSB., BCK., JP., No. 62-A, Teluk Wanjah, Alor Setar, Kedah.

63. Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah.

Setiausaha Sulit Kepada DYMM Sultan Kedah. Pejabat Sultan, Wisma Negeri, Alor Setar, Kedah.

64. YTM. Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur.

DSDK., SMK., BCK., No. 2928F, Taman Muhibbah, Jalan Sultanah, Alor Setar, Kedah.

NOTA PERATURAN ISTIADAT NEGERI KEDAH

65. Peraturan Istiadat Perkahwinan Kerabat Diraja Kedah.

66. Peraturan Adat Istiadat Pertabalan Sultan Negeri Kedah Darulaman.
67. Peraturan Istiadat Kemangkatan dan Permakaman Diraja Negeri Kedah.